

# Persiapkan diri hadapi kerenah bangsa Eropah

UM 20 JUN 2003

KUALA LUMPUR 19 Jun — Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam menegaskan betapa perlunya barisan pemimpin UMNO mempersiapkan diri berhadapan dengan kerenah bangsa Eropah untuk memastikan kelangsungan bangsa dan negara.

Katanya, uresiden parti, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah memberi mesej jelas kepada pimpinan UMNO di semua peringkat berhubung aspek tersebut berasaskan lagak bangsa Eropah yang kian bermaharaja lela.

Katanya, berdasarkan perkembangan semasa, ia kian mendedahkan negara menjadi mangsa mereka sekiranya rakyat berpecah-belah dan lemah.

Beliau menyatakan demikian ketika mengulas ucapan dasar Presiden pada Perhimpunan Agung UMNO ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

“Ucapan dasar itu boleh saya tafsirkan, apa yang hendak disampaikan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa

kepimpinan UMNO di segala peringkat harus diperkukuhkan.” ujar Musa.

Katanya, dengan menyiapkan diri sendiri dengan segala ilmu pengetahuan, secara langsung membolehkan berhadapan dengan perkembangan dunia.

“Lebih-lebih lagi tindak-tanduk bangsa Eropah di peringkat antarabangsa kian kembali kepada wataknya di zaman dahulu bahawa yang kuat adalah benar,” katanya lagi.

Beliau menambah: “Dalam usaha membangunkan negara, kita perlu memahami seluas-luasnya bahawa maklumat, pengetahuan harus difahami serta dikaji.”

Katanya, ia akan membolehkan perseediaan dibuat apabila negara berada dalam keadaan sedemikian rupa bagi memastikan kepentingan ‘survival’ bangsa dan negara.

“Kalau presiden telah mengingatkan bahawa banyak negara lemah telah menjadi mangsa negara Eropah maka jika kita berpecah dan lemah, kita juga akan menjadi mangsa,” ujarnya.